

APAKAH SUSULANNYA SETELAH PERMOHONAN SAYA DITERIMA?

CLAS akan mengarahkan seorang peguam relawan untuk mengendalikan kes anda. Anda akan dimaklumkan dengan butir-butir tentang peguam tersebut secara bertulis. Anda kemudian akan menjadi kliennya.

Seorang peguam relawan adalah peguam persendirian yang secara sukarela bersedia memberi perkhidmatannya kepada CLAS.

Anda harus membalas surat-surat dari peguam relawan anda dan menghadiri diri bagi temujanji setiap kali diperlukan. Jika anda gagal untuk bekerjasama dengannya, beliau boleh bermohon di Mahkamah untuk tidak meneruskan perkhidmatannya.

ADAKAH SAYA PERLU MEMBAYAR PEGUAM RELAWAN SAYA?

Peguam relawan anda tidak akan mengenakan sebarang bayaran untuk nasihat atau kehadirannya di Mahkamah. Beliau hanya memerlukan anda untuk membuat bayaran bagi mendapatkan pernyataan dan laporan polis dan juga pengangkutan.

BILAKAH BERAKHIRNYA BANTUAN CLAS?

Bantuan CLAS berakhir samada apabila kes anda sudah berakhir atau apabila CLAS menarik balik bantuannya atau anda membuat keputusan untuk meneruskan kes anda tanpa bantuan CLAS.

PERTANYAAN SELANJUTNYA

Untuk pertanyaan selanjutnya, sila hubungi kami pada waktu pejabat di talian: 6534 1564 atau faks kepada kami di: 6534 5237.

Anda juga boleh e-mail kami di alamat: CLAS@lawsoc.org.sg

Anda juga boleh mengunjungi laman internet kami di: <http://www.lawsociety.org.sg>

Penolak Tuntutan:

Informasi yang terkandung hanya melingkungi informasi mengenai undang-undang secara umum dan asas pada Ogos 2005.

Informasi yang terkandung disediakan oleh Persatuan Guaman Singapura, Skim Bantuan Guaman Kriminal sebagai perkhidmatan kepada orang awam. Ia diperolehi dari sumber-sumber yang boleh dipercayai dan tepat. Walau bagaimanapun, Persatuan tersebut atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas sebarang kesilapan atau pengecualian. Para pembaca seharusnya mendapatkan nasihat guaman secara persendirian.

Jawatankuasa Skim Bantuan Guaman Kriminal berhak untuk menerima atau menolak sebarang permohonan mengikut budi bicaranya. Tiada akujanji yang akan diandaikan atau sebaliknya ditafsirkan atau disiratkan dari sebarang informasi atau kenyataan yang terkandung.

Jawatankuasa Skim Bantuan Guaman Kriminal berhak untuk menarik balik bantuan pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya.

Jawatankuasa Skim Bantuan Guaman Kriminal selanjutnya berhak untuk menukar, membetulkan atau mengubah sebarang syarat atau kriteria apabila menentukan sesuatu permohonan untuk bantuan guaman kriminal mengikut budi bicaranya tanpa pemberitahuan awal.

Risalah ini diterbitkan oleh Persatuan Guaman Singapura, Skim Bantuan Guaman Kriminal.

The Law Society of Singapore

39 South Bridge Road
Singapore 058673


Tel: 65382500 Fax: 65335700

Website: <http://www.lawsociety.org.sg>

Copyright 2005

Di cetak semula pada Ogos 2005

SKIM BANTUAN GUAMAN KRIMINAL



PERSATUAN GUAMAN SINGAPURA

APA ITU CLAS?

Skim Bantuan Guaman Kriminal (CLAS) telah ditubuhkan pada September 1985 sebagai projek yang dijalankan oleh Persatuan Guaman Singapura. Ia masih dikendalikan oleh Persatuan Guaman yang mempunyai 4 pekerja sepenuh masa yang berdedikasi.

CLAS memenuhi salah satu tujuan Persatuan Guaman iaitu menyediakan bantuan guaman kriminal kepada golongan miskin dan yang memerlukan dalam tuduhan yang tidak membawa hukuman mati.

CLAS berbeza dengan Bureau Bantuan Guaman yang dijalankan oleh pemerintah. Bureau tersebut menyediakan bantuan guaman dan nasihat bagi kes-kes civil dan bukan kriminal di mana para pemohon akan diuji dari segi kemampuan dan merit.

APAKAH JENIS KESALAHAN YANG CLAS KENDALIKAN?

CLAS hanya mengendalikan kesalahan-kesalahan yang digolongkan dalam statut berikut:

1. Akta Senjata dan Letupan
2. Akta Kesalahan-kesalahan Senjata
3. Akta Bahan Korosif dan Letupan dan Senjata Berbahaya
4. Akta Mercun Berbahaya
5. Akta Kerahan
6. Akta Bahan Letupan
7. Akta Filem
8. Akta Kesalahan Pelbagai | Ketenteraman dan Gangguan Awam |
9. Akta Penyalahgunaan Dadah
10. Kanun Keseksaan
11. Akta Pencegahan Rasuah
12. Akta Pencetakan Haram
13. Akta Merasakkan Hartabenda Awam

Apabila anda didakwa di atas kesalahan yang membawa hukuman mati, Negara akan menyediakan seorang peguam sekiranya anda tidak mampu.

SIAPAKAH YANG BOLEH MEMOHON BANTUAN GUAMAN KRIMINAL?

Sesiapa yang berada di Singapura dan telah didakwa terhadap kesalahan di Mahkamah boleh memohon untuk mendapatkan bantuan guaman kriminal, asalkan anda tidak mengaku salah terhadap tuduhan dan tidak mampu membayar seorang peguam untuk membela anda dalam kes tersebut. Anda harus memberitahu Mahkamah tentang niat anda untuk mendapatkan seorang peguam.

BAGAIMANA SAYA HENDAK MEMOHON BANTUAN GUAMAN KRIMINAL?

Anda boleh bermohon dengan menghadirkan diri di CLAS untuk bantuan guaman kriminal di pejabat CLAS yang terletak di:

Subordinate Courts
Level 5 (bilik bersebelahan Mahkamah No. 6)
1 Havelock Square
Singapore 059724

Anda boleh menghantar permohonan anda ke:

The Law Society of Singapore
The Criminal Legal Aid Scheme
39 South Bridge Road
Singapore 058673

Anda juga boleh mendapatkan borang melalui laman internet kami di: <http://www.lawsociety.org.sg>.

Seorang pegawai CLAS akan mengaturkan satu temujanji untuk menemuramah, jika perlu, sama ada di pusat tahanan atau di pejabat CLAS sejurus permohonan anda diterima.

APAKAH WAKTU KERJA CLAS?

CLAS dibuka dari 9 pagi hingga 5 petang pada setiap hari Isnin hingga Jumaat.

Kami ditutup pada setiap hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum.

APA YANG PERLU DIBAWA UNTUK PERMOHONAN ATAU TEMURAMAH TANPA TEMUJANJI?

Anda harus membawa dokumen-dokumen yang dapat menentukan pendapatan anda seperti berikut:

- a) Semua dokumen yang berkaitan dengan kes, contohnya, kertas tuduhan, bon jaminan, surat pemberitahuan tarikh sebutan/perbicaraan yang terakhir.
- b) Semua buku simpanan bank, pernyataan akaun semasa dan surat deposit tetap ibubapa, adik beradik, anak-anak, pemohon dan isteri/suami pemohon (kesemua buku akaun dan pernyataan hendaklah kemaskinikan)

- c) Surat gaji atau surat dari majikan yang mengesahkan gaji bersih bulanan atau tahunan ibu bapa, adik-beradik, anak-anak, pemohon dan isteri/suami pemohon. Jika tidak, pernyataan CPF untuk 12 bulan terakhir diperlukan.
- d) Penjelasan ringkas bertulis tentang kes dalam bahasa Inggeris.
- e) Bil-bil yang belum terbayar, jika ada.
- f) Sijil lahir adik-beradik yang belum berkahwin dan anak-anak pemohon.
- g) Sijil nikah pemohon atau ibu bapa pemohon (juvenil).

BAGAIMANA UNTUK MELAYAKKAN DIRI UNTUK BANTUAN?

CLAS menyediakan bantuan guaman kriminal kepada golongan miskin dan yang memerlukan dan tidak mampu mengambil peguam.

Sewaktu ditemuramah oleh pegawai CLAS, anda akan disoal perkara-perkara yang berkaitan dengan pendapatan, simpanan, harta dan lain-lain aset kepunyaan anda. Cara ini disebut sebagai 'Means Test' (Ujian Kemampuan). Anda akan diperlukan untuk membuktikan kemampuan anda.

Untuk lulus ujian pendapatan, pemohon bujang mesti mempunyai pendapatan kurang daripada \$1000 bersih setiap bulan, dan pemohon yang sudah berkahwin mesti mempunyai gabungan pendapatan kurang daripada \$1300 bersih setiap bulan. Bagi pemohon yang sudah berkahwin yang mempunyai tanggungan (tidak termasuk pasangan), peruntukan sebanyak \$160 ditambah kepada had bulanan \$1300 bersih.

Segala informasi yang anda beri kepada CLAS mestilah benar, jika sebaliknya, CLAS akan menarik balik bantuan walaupun anda berkecualan dan anda juga boleh diharamkan dari bantuan di masa akan datang.

JIKA PERMOHONAN SAYA DITOLAK, BOLEHKAH SAYA MEMBUAT RAYUAN?

Jika permohonan anda ditolak, anda boleh membuat rayuan bertulis terhadap keputusan kepada:

The Chairman
Criminal Legal Aid Scheme Committee
The Law Society of Singapore
39 South Bridge Road
Singapore 058673